

EPULUH

Kaji status tanah rizab Melayu, Orang Asli

Dari
Kaca
Mata

Prof Dr Ismail Omar

Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA), Profesor Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Sering kali kita dengar rintihan Orang Asli mengenai pemilikan tanah. Kalau boleh mereka juga hendak memiliki tanah seperti kaum lain di negara kita.

Tanpa pemilikan individu, tiada pemilikan secara ekslusif dan insentif yang boleh dijalankan. Bolehkah Orang Asli memiliki tanah secara individu?

Pada era Greek dan Rom purba, kekayaan diukur mengikut bilangan hambar abdi yang dimiliki sehingga Solon menggubal undang-undang Rom menghalang perkara ini.

Sejak itu, kekayaan bertukar pula kepada keluasan tanah yang dimiliki hinggakan Socrates dibunuh demi melindungi kepentingan orang kaya.

Plato, murid Socrates menulis buku *Republics* yang mengatakan bahawa kekayaan dan aktiviti ekonomi membawa keamanan dan kelangsungan hidup. Sebaliknya, Rousseau mengatakan kekayaan tidak akan kekal disebabkan keperangan yang boleh memusnahkan.

Justeru, rakyat tidak seharusnya memiliki harta secara peribadi melebihi keperluan diri. Dasar Kerajaan Greek purba ini adalah asas kepada pemilikan harta secara komunal yang dikongsi bersama.

Namun, Plato dalam bukunya *Republics* menafikan fahaman komunisme, iaitu pemilikan tanah secara bersama. Bagi Aristotle pula yang menulis buku *Politics*, bersetuju dengan fungsi dan peranan sesebuah kerajaan.

Akhirnya, hanya pemilikan empat lot tanah dibenarkan dan pihak kerajaan hanya membenarkan rakyat relaki memiliki satu lot tanah setiap seorang.

Di kebanyakan negara Afrika seperti Afrika Selatan, Botswana, Kenya, Uganda, Swaziland dan Lesotho, tanah puak

Pribumi ditentukan kerajaan untuk mereka bercucuk tanam dan mendapat perlindungan secara komunal yang dijaga ketua kampung atau penghulu.

Kawasan bersama ini tempat kaum Pribumi mengamalkan budaya setempat mereka. Pertanian secara tradisional dan budaya setempat menjadi cara mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Namun, selain tanah komunal, terdapat juga tanah milik individu yang dibenarkan kerajaan. Apabila kerajaan cuba mengubah cara hidup dengan membawa pembangunan ke kawasan berkenaan, timbul konflik budaya dan cara hidup mereka yang terganggu.

Di negara kita, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Pindaan 1974 membenarkan pihak kerajaan merizabkan sesebuah kawasan rayau untuk Orang Asli mencari makanan dan penempatan.

Akta ini tidak memperturunkan pemilikan tanah secara persendirian, malah menafikan hak Orang Asli untuk memiliki tanah secara peribadi. Perluakah Akta ini dipinda bagi membolehkan pemilikan tanah Orang Asli secara perseorangan?

Sistem pemilikan di Barat melihat tanah sebagai pemilikan eksklusif dan insentif, manakala masyarakat Pribumi pula melihat tanah sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

Apabila Sistem Torrens diimport dari Australia Selatan pada 1858 ke negara kita, salah satu ciri utama ialah pemilikan harta tanah secara individu menggunakan sistem pendaftaran yang tidak boleh disangkal di mahkamah.

Sistem diperkenalkan Sir Robert Torrens ini bercanggah dengan sistem tanah komunal yang diamalkan bagi kebanyakan tanah Pribumi di seluruh dunia.

Sistem komunal memberi ruang bersama bagi masyarakat Pribumi, manakala sistem Torrens pula membuka peluang yang lebih untuk melakukan penjualan semula atau spekulasi dan harga harta tanah naik melambung tinggi dalam sekilap mata.

Begitupun, pendaftaran menjamin akses kewangan bagi menggalakkan pembinaan dan pembangunan harta tanah, sedangkan pemilikan bersama secara komunal tidak boleh dijual dan boleh dikatakan tiada spekulasi di pasaran harta tanah, sekali gus tanah kurang dimajukan.



Akta ini tidak peruntukkan pemilikan tanah secara persendirian, malah menafikan hak Orang Asli untuk memiliki tanah secara peribadi. Perluakah Akta ini dipinda bagi membolehkan pemilikan tanah Orang Asli secara perseorangan?"